


Janusha terima RM20,000 daripada Kerajaan Pahang

Oleh [Asrol Awang](#) - Jun 16, 2022 @ 7:40pm

bhnews@bh.com.my



KUANTAN: Kerajaan Pahang semalam bersetuju memberi sumbangan berjumlah RM20,000 beserta sijil penghargaan kepada Pegawai Kadet Kanan (PKK), B Janusha dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata sumbangan kepada anak kelahiran Lipis, Pahang itu sebagai penghargaan atas kecemerlangan menjadi pegawai wanita pertama negara berjaya menamatkan Pengajian dan Latihan Ketenteraan di United States Naval Academy (USNA).

"Sememangnya saya amat mengagumi kegigihan Janusha dan juga ahli keluarga yang lain terutama kedua ibu bapanya yang begitu mengambil berat mengenai masa depan anak-anak sehingga kesemua anak-anak mereka memiliki kerjaya yang hebat.

"Sesungguhnya, kejayaan Janusha ini perlu dijadikan satu inspirasi dan motivasi kepada seluruh rakyat Pahang dan Malaysia mengenai bagaimana perlunya kita mempunyai keazaman dan kegigihan untuk berjaya.

"Saya berharap agar Janusha terus maju dan sukses dalam kerjaya pada masa akan datang," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.

Janusha, 23, menjalani pengajian dan latihan ketenteraan di akademi berkenaan selama empat tahun bermula 2018 bersama 1,085 pelatih dari Amerika Syarikat dan 14 pelatih dari luar Amerika Syarikat.

Lebih bermakna, majlis tamat pengajian yang penuh gemilang disempurnakan sendiri oleh Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden dan turut dihadiri barisan kepimpinan tertinggi Tentera Laut Amerika bersama duta serta penasihat pertahanan pelbagai negara.